



JABATAN KERJA RAYA SELANGOR

KOMPLEKS IBU PEJABAT JKR NEGERI SELANGOR
PERSIARAN JUBLI PERAK, SEKSYEN 17,
40200 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

NO. TELEFON : 03-5545 9800

NO. FAKS : 03-5545 3858



Ruj. Kami : JKR.B.JLN 600-1/1/1 Jld.12 (24)
Tarikh : 15 Julai 2021

Y.B. Dato' Haji Haris Bin Kasim
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Tingkat2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Y.B. Dato',

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat dari Y.B. Dato' bernombor rujukan PWN.SEL.700-1/3/2 (8) bertarikh 12 Julai 2021 adalah berkaitan.

2. Bersama-sama ini dikemukakan maklum balas *Input dan Cadangan Sempena Sesi Libat Urus Belanjawan 2021 YAB Dato' Menteri Besar Selangor Bersama Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen Negeri Selangor* seperti yang dipohon.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID19"
"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(Ir. HJ. LOKMAN BIN HJ. NASIR)
Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri
Selangor Darul Ehsan

s.k.

Timbalan Pengarah
Seksyen Makro & Penswastaaan
Unit Perancang & Pembangunan Negeri Selangor
Tingkat 16
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam

AT/rh/SN



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01684



CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO. : EMS 00227



CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007
CERT. NO. : OSH 00604



LAMPIRAN A

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
4.	Y.B. Kuang	Peruntukan JKR – memantau semula projek menaiktaraf Lorong Melati Kuang ke Sungai Buloh kerana terdapat kecacatan fizikal projek tersebut.	Mengikut perancangan Jabatan, cadangan projek 'Menaiktaraf Jalan di Jalan Melati – Bukit Rahman Putra Dalam Daerah Gombak' akan dilaksanakan kerja awalan dan rekabentuk pada tahun 2025 di bawah RMK-12. Manakala projek sedia ada dilokasi masih di dalam tempoh kecacatan (1 tahun) dan kerja-kerja memperbaiki kecacatan sedang dipantau oleh JKR Daerah.
7.	Y.B. Bukit Gasing	Pihak JPS, JKR dan ADN perlu membuat keputusan bagi menangani masalah setempat dengan memberi prioriti kepada perkara-perkara yang mendesak.	JKR Selangor telah menyediakan Road Asset Management & Maintenance Systems (RAMMS) bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan di Negeri Selangor. Berdasarkan rekod tersebut, kerja-kerja penyelenggaraan jalan dilaksanakan mengikut keutamaan berdasarkan kepada tahap kerosakan serta faktor bebanan trafik di lokasi berkenaan.
9.	Y.B. Seri Setia	Isu penyelenggaraan jalan yang bertindih masih berlaku dan memberi kepada penduduk yang melibatkan pelbagai agensi seperti JKR, JPS dan PBT.	Pendaftaran Jalan Negeri adalah di bawah sistem MARRIS Online dan ia didaftarkan mengikut kategori jalan serta agensi yang menyelenggara jalan berkenaan. Jika terdapat pertindihan jalan, JKR Daerah akan menyemak status jalan tersebut dan mesyuarat bersama agensi berkenaan akan diadakan untuk memuktamadkan status jalan berkenaan. Sementara itu, jalan tersebut tetap akan diselenggara oleh agensi yang berkenaan.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
10.	Y.B. Kota Anggerik	Isu pertindihan jalan JKR dan MBSA perlu penyelarasan yang berkesan.	-sama seperti di atas-
11.	Y.B. Kota Damansara	Persiaran Atmosfera masih terdapat Kawasan jalan yang tidak dibaiki dengan sempurna.	Mengikut rekod MARRIS Online, Persiaran Atmosfera adalah di bawah seliaan MBSA.
15.	Y.B. Meru	Penggunaan peruntukan MARRIS bagi penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan yang kritikal yang perlu dibaiki dengan kadar segera bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya tersebut.	Pelaksanaan penyelenggaraan Jalan Negeri melalui peruntukan MARRIS adalah tertakluk kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri di bawah perkara 109 (1) Perlembagaan Persekutuan. Sebarang cadangan pindaan perlu diangkat oleh Kerajaan Negeri kepada Kementerian Kewangan / Majlis Kewangan Negara untuk pertimbangan.
17.	Y.B. Sijangkang	-Isu Labohan Dagang melibatkan aduan kerja-kerja jalan berlubang. -Isu banjir kilat di Pandamaran melibatkan rancangan tebatan banjir oleh JPS dan JKR. -Projek lampu isyarat di Jalan Klang-Banting perlu di atasi oleh Kerajaan Negeri.	-Penyelenggaraan jalan di Labohan Dagang adalah mengikut kontrak penyelenggaraan Jalan Persekutuan dan sebarang aduan kerosakan akan diambil tindakan segera berdasarkan kontrak berkenaan. -JKR Selangor tidak terlibat dengan rancangan tebatan banjir tersebut. -Senggaraan lampu isyarat di jalan berkenaan adalah berdasarkan peruntukan yang diluluskan untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
		-Naik taraf jalan alternatif ke Klang dan jalan interchange di Gamuda Cove. -Status pelaksanaan West Coast Expressway (WCE) dari Kuala langat dan Dengkil	-Jalan berkenaan adalah di bawah seliaan pemaju Gamuda Cove. -Projek berkenaan adalah di bawah seliaan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
20.	Y.B. Tanjong Karang (MP)	Menyemak semula penyelenggaraan lampu di sekitar Tanjong Karang yang rosak.	Penyelenggaraan lampu jalan di sekitar Tanjong Karang adalah tertakluk di bawah kontrak penyelenggaraan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri sedia ada. Berdasarkan program PEMERKASA berikut adalah pemasangan baru lampu jalan di sekitar Tanjong Karang. i) Jajaran Ban Cannal (Jalan Terusan) 10 unit – Solar unit dan 6 unit penyelenggaraan. ii) Jalan Bukit Belimbing (depan sekolah, masjid Bukit Belimbing) 10 unit termasuk Solar. iii) Jalan Ara (Depan Pondok Polis) 2 unit Solar iv) Jalan Parit Serong – 10 unit Solar v) Jalan Parit 1, Sg Sireh – 10 unit Solar
21.	Y.B. Permatang	Cadangan menaiktaraf baikpulih luar bandar dari tanah merah kepada crusher run menggunakan peruntukan MARRIS.	JKR Daerah Kuala Selangor tidak menyelenggara jalan luar bandar (tanah merah) yang berdaftar di bawah peruntukan MARRIS. Mengikut spesifikasi, jalan yang dimaksudkan adalah diseliah oleh Pejabat Daerah atau JPS Daerah Kuala Selangor.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
23.	Y.B. Hulu Selangor (MP)	Isu infrastruktur jalan raya di kawasan Hulu Selangor bagi mempertimbangkan naiktaraf jalan raya seperti di FT01 meliputi Persimpangan Kg. Sg. Buaya, Sg. Choh ke Bukit Beruntung.	JKR Selangor telah mengemukakan cadangan menaiktaraf jalan terlibat iaitu FT1208 & FT3208 kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan & Penswastaan, Kementerian Kerja Raya dan memohon agar ia diberi pertimbangan untuk dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Ke-12.
24.	Y.B. Kuala Selangor (MP)	Menaiktaraf infrastruktur seperti di Jalan Bukit Hijau yang runtuh dan kerosakan jalan dari Ijok ke Bestari Jaya yang rosak terutama di musim hujan. Penyelenggaraan infra seperti lampu jalan dan penambahan lampu jalan di Simpang Tiga Jeram, Bukit Kerayong dan Bukit Kuching.	Lokasi jalan runtuh tersebut adalah di Jalan Merbau, Kuala Selangor dan kerja-kerja rekabentuk pembaikan jalan berkenaan adalah di peringkat akhir dan dalam proses pelantikan kontraktor. Jalan dari Ijok ke Bestari Jaya adalah merupakan Jalan Bukit Badong dan kerosakan jalan kerap berlaku diakibatkan oleh kenderaan lebih muatan yang menggunakan laluan berkenaan. Penyelenggaraan jalan tersebut dilaksanakan mengikut kontrak penyelenggaraan Jalan Negeri sedia ada dan pihak WCE mengikut had penyelenggaraan jalan berkenaan. Status penyelenggaraan dan pemasangan lampu jalan di lokasi berkenaan seperti berikut; i) Penyelenggaraan Lampu Jalan Simpang 3 Jeram (di sekitar lampu isyarat) telah selesai. ii) Penyelenggaraan di Bukit Kerayong (di sekitar pusat pelupusan sampah) telah selesai.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
			iii) Kerja-kerja sedang dilaksanakan di Jalan Dato Miskun yang melibatkan 10 unit-lampu solar. (lokasi dari depan Sekolah Kebangsaan Bukit Kerayong, klinik hingga simpang Balai Raya) manakala di Bukit Kuching (di lokasi persimpangan Parit Mahang dan Jalan Sasaran) 5 unit setiap simpang.
32.	Y.B. Dusun Tua	Lampu jalan dan perparitan di Jalan Negeri – Penyelenggaraan bagi lampu jalan dan perparitan perlu dilihat teliti. Contoh parit di Jalan Sg. Tekali yang tidak diselenggara.	Rondaan audit sentiasa dilakukan melibatkan JKR Daerah dan konsesi bagi memantau keadaan jalan sebenar di tapak termasuk lampu jalan, perparitan dan aspek kebersihannya. Kegagalan pihak konsesi melaksanakan kerja pembaikan di tapak akan menyebabkan pihak konsesi dikenakan NCR dan pemotongan ke atas tuntutan bayaran bulanan untuk kerja penyelenggaraan jalan dilakukan sebagai penalti.
PENGESAHAN KETUA JABATAN			
 Ir. HJ. LOKMAN BIN HJ. NASIR Pengarah Jabatan Kerja Raya Selangor Darul Ehsan			